

sains

# KERATAN AKHBAR

## 1 OGOS 2023

NEW STRAITS TIMES

Utusan MALAYSIA

Sinar

astro AWANI

NOGORI KITO

facebook

THE EDGE MARKETS

THE Sun

FMT news

Star

Kosmo!

Metro

BERITA HARIAN

malaysiakini

BERNAMA

RANIA

星洲日報 SIN CHEW DAILY


南洋商報 NANYANG SIANG PAU

中國報 CHINA PRESS

malaymail

## Penjenamaan semula bekalan air antara 18 tawaran PN Kelantan

1 OGOS 2023  
SELASA



Pengerusi PN Kelantan, Datuk Ahmad Yakob (kir) melancarkan Program PN Kelantan bertemakan 'Kelantan maju rakyat sejahtera' sempena PRN, di Tanah Merah, hari ini. NSTP/Nik Abdullah Nik Omar

**TANAH MERAH:** Perikatan Nasional (PN) Kelantan mengemukakan 18 tawaran utama menerusi manifestonya pada Pilihan Raya Negeri (PRN).

Bertemakan "Kelantan Maju Rakyat Sejahtera" tawaran yang dikemukakan itu membabitkan 96 pengisian program.

Antara yang ditawarkan PN Kelantan adalah menawarkan pembangunan bekalan air bersih dengan penjenamaan semula Air Kelantan Sdn Berhad (AKSB) dan menambah simpanan bekalan air melalui projek takungan air pinggiran sungai (TAPS).

SAMBUNGAN

Tawaran lain membabitkan program pembangunan sosioekonomi yang memberi fokus pembukaan bandar baru dan membangunkan bandar sempadan yang mampu menambah peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi.

Pengerusi PN Kelantan, Datuk Ahmad Yakob, ketika mengumumkan tawaran itu berkata itu adalah program yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh lima tahun akan datang sekiranya terus diberi mandat oleh rakyat.

"Ini bukan tawaran retorik atau janji kosong, sebaliknya kesemua program itu akan dilaksanakan sebagai janji malam ini.

"Apa yang kita tawarkan itu juga mengikut keupayaan negeri selepas mengadakan perbincangan dan berharap rakyat terus mengekalkan pemerintahan PAS di Kelantan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Ceramah dan Pelancaran Program PN Kelantan, di sini hari ini.

Mengulas lanjut Ahmad yang juga Menteri Besar Kelantan berkata, untuk manifesto pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), pihaknya berjaya menyelesaikan 98 peratus.

"Hanya dua peratus sahaja yang tidak selesai dan perkara itu akan diteruskan untuk tawaran kali ini," katanya.



## Kelantan Perikatan unveils manifesto, water issue among main agenda

1 OGOS 2023  
SELASA



TANAH MERAH: Water issues will be one of the main agenda that the PAS-led Kelantan state government has pledged to resolve.

The Kelantan Perikatan Nasional said this during the launch of its state election manifesto, which also included socio-economic and agricultural productivity development on Monday (July 31) night.

Caretaker Kelantan Mentri Besar Datuk Ahmad Yakob (*pic*) said the manifesto themed "Kelantan Maju Rakyat Sejahtera" listed 18 plans and 96 programmes.

"We have completed 98% of our previous manifesto for the 14th General Election and we will bring the remaining forward together with new pledges under the new manifesto.

“We drafted this manifesto in a realistic manner, based on what we are capable of and according to the budget that we have.

“We are calling it a programme instead of a manifesto because we actually plan to make them all happen,” he said during a press conference here after launching the pact’s manifesto.

Kelantan Perikatan also plans on rebranding the Air Kelantan Sdn Bhd and to increase water storage through the Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) project.

At the same time, the pact also plans on providing first-time pipe installation assistance to the B40 group.

On socioeconomic development, the state government has pledged to develop new towns to increase job opportunities and boost the state’s economy.

Apart from that, the manifesto also includes women development, education, family, youth and environmental development programmes.

The state elections in Selangor, Negri Sembilan, Penang, Kedah, Terengganu and Kelantan will be held on Aug 12, with early polling on Aug 8.